

# UMS tetapkan ambil 5 peratus pelajar a-bangsa sesuai dengan PPPM: Mohd Harun

OLEH MARRYAN RAZAN NST 26-11-15 4  
marrayan@newsabahtimes.com.my

**KOTA KINABALU:** Pengambilan pelajar antarabangsa oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) yang menetapkan kuota sebanyak lima peratus bagi memasuki pelajar antarabangsa.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata di bawah dasar itu UMS membuka peluang pengajian tinggi di peringkat ijazah sarjana muda hingga peringkat Doktor Falsafah kepada para pelajar daripada pelbagai negara.

Katanya, UMS bukan sahaja diiktiraf sebagai salah sebuah universiti awam yang baik di dalam negara, malah negara-negara luar termasuk China, Iran, Turki dan Indonesia turut mengiktiraf UMS. Ini terbukti melalui peningkatan bilangan pelajar antarabangsa setiap tahun.

"Syarat kelayakan kemasukan yang ditetapkan kepada pelajar antarabangsa ialah perlu mempunyai kelulusan International English Language Testing System (IELTS) atau Test of English as a Foreign Language (ToEFL) selain kelayakan akademik dari negara asal dan disetarakan dengan kelayakan mengikut pawaian yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan syarat minimum yang ditetapkan oleh fakulti di dalam UMS.

"Bagi mereka yang tidak berpeluang mengikuti IELTS atau ToEFL, UMS menyediakan kursus Intensive English Preparatory Programme (IEPP) selama tiga bulan sebelum mereka mencapai sekurang-kurangnya Gred B dalam peperiksaan, layak melanjutkan pengajian ke pelbagai program yang ada di UMS," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan bagi mengulas isu berhubung pengambilan pelajar antarabangsa yang dibincangkan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri, di Dewan Undangan Negeri.

Mohd Harun berkata, bagi mereka yang ingin melanjutkan pengajian ke Fakulti Psikologi dan Pendidikan; Fakulti Sains dan Sumber Alam, serta Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perkauman, satu sesi temu duga akan diadakan sebagai proses terakhir bagi memastikan mereka benar-benar layak melanjutkan pengajian ke fakulti berkenaan.

Menyentuh kelulusan UEC (Unified Examination Certificate); beliau berkata UMS tidak menerima sijil itu sebagai salah satu syarat kemasukan memandangkan pelajar terbabit adalah warganegara Malaysia yang sepatutnya mengambil peperiksaan utama seperti SPM dan STPM.

"UEC juga tidak menepati syarat kemasukan ke universiti awam kerana sistem pemarkahannya agak berbeza dengan SPM dan STPM. Kebanyakan pelajar tempatan yang mengambil UEC biasanya mereka yang berhasrat melanjutkan pengajian di universiti luar negara seperti di Singapura, di mana UEC diterima sebagai salah satu syarat kelayakan masuk," katanya.

Katanya, disamping mengeluarkan graduan yang mengkhusus dalam bidang-bidang tujuhan, UMS juga menggalakkan para pelajarnya untuk menguasai Bahasa Inggeris.

"Ini diterapkan melalui pengajaran di mana sekurang-kurangnya 10 peratus kursus adalah diajar dalam Bahasa Inggeris. UMS juga menggalakkan mahasiswanya untuk mempelajari bahasa-bahasa asing seperti Perancis dan Arab. Kursus-kursus ini disediakan melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa," katanya.